

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHE ALIAS BIN HAMID**
[**KEMAMAN**]
TARIKH : **3 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 135

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pelan perancangan Kerajaan dalam memastikan isu tambak laut di Pulau Pinang tidak menjejaskan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan isu tambak laut di Pulau Pinang tidak menjejaskan alam sekitar, Kerajaan Persekutuan telah mensyaratkan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) oleh pemaju projek berkenaan iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagaimana kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.
2. Laporan EIA tersebut telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 25 Jun 2019. Semua langkah mitigasi yang dinyatakan dalam laporan EIA akan dilaksanakan oleh pihak pemaju. JAS dan jabatan serta agensi lain yang berkaitan akan memantau rapi pelaksanaan projek tersebut bagi memastikan semua syarat dipatuhi dan tidak menjejaskan kualiti alam sekitar.
3. Pihak Jabatan ini telah menarik perhatian pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa pembangunan projek akan menyebabkan kemusnahan kekal dan *residual impact* ke atas ekosistem dataran lumpur

(*mudflat*), *fishing ground*, kawasan pendaratan penyu, dan sebahagian terumbu karang di Pulau Rimau yang merupakan ekosistem penting kepada sumber perikanan. Kemusnahan kekal ini akan memberi impak negatif yang signifikan kepada sumber perikanan, nelayan dan jaminan sumber bekalan makanan negara. Dalam hal ini Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah memastikan pelaksana projek memberi perhatian serius terhadap *residual impact* dan melaksanakan semua langkah mitigasi tanpa gagal dengan nasihat teknikal jabatan berkaitan terutama Jabatan Perikanan Malaysia. Antara perkara-perkara yang wajar dititikberatkan termasuk:-

(a) *Offset Programme*

- (i) *Offset Programme* bagi kehilangan kekal di atas hendaklah diselaraskan sebagai sebahagian daripada *Penang OffSet Masterplan* antaranya merangkumi :-
- Tukun tiruan
 - *Fishery Aggregating Device (FAD)*
 - Penanaman semula bakau dengan nasihat Jabatan Perhutanan dan agensi teknikal berkaitan.
 - Pelepasan benih ikan
 - Struktur *eco engineering* pada lapis lindung pantai
 - Menyediakan dana untuk kajian dan penyelidikan penyu dan terumbu karang
 - Lain-lain dari cadangan *Offset programme* dalam bab 8, langkah-langkah kawalan.
- (ii) Kajian teknikal terperinci dan ulasan Jabatan teknikal hendaklah dilaksanakan sebelum pelaksanaan *Offset programme* di atas;
- (iii) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan *Offset Programme* dengan melibatkan agensi teknikal berkaitan bagi memantau pelaksanaan *Offset programme* yang dicadangkan di dalam Laporan EIA; dan

- (iv) *Offset Programme* ini hendaklah dipantau secara berkala dan diaudit bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Laporan pemantauan *Offset programme* ini hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan *Offset Programme*.
- (b) Impak Terhadap Nelayan:
Pembangunan ini juga akan mengakibatkan kehilangan *livelihood* kepada nelayan. Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah :-
- (i) Membentuk dan melaksanakan *Fisherman Taskforce* yang dipengerusikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan semua komitmen dan langkah kawalan yang dinyatakan di dalam laporan EIA dilaksanakan;
- (ii) Penyediaan *exit plan* bagi komuniti nelayan hendaklah dikaji dan diperjelaskan serta mendapat persetujuan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) bagi memenuhi kehendak Laporan *Social Impact Assessment* projek ini; dan
- (iii) Menyediakan pusat perkhidmatan setempat nelayan (PPSM) sebagai *One Stop Centre* (Pusat Setempat) bagi menangani semua aduan berkaitan pelaksanaan projek terutamanya berkaitan *Fisherman exit plan*.
- (c) Lain-lain isu yang harus diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang:
- (i) Melaksanakan *green river programme* seperti yang dinyatakan di dalam laporan EIA ini bagi meningkatkan kualiti air dan *flushing capacity* khususnya bagi sungai-sungai terlibat antaranya Sungai Bayan Lepas, Bayan Lepas Main Drain, Sungai Batu, Sungai Telok Kumbar dan Sungai Gertak Sanggul;

NO. SOALAN : 135

- (ii) Pemantauan ke atas aspek hidraulik secara terperinci bagi penambakan ini perlu dijalankan pada setiap peringkat pembangunan dan dilaporkan kepada Jabatan ini serta Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia;
- (iii) Melaksanakan *maintenance dredging* secara berkala seperti yang dinyatakan di dalam laporan EIA supaya kedalaman *channel* 2 meter dikekalkan setiap masa dan mengemukakan laporan pemantauan kedalaman *channel* antara Pulau Pinang dan tiga pulau buatan (penambakan) kepada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan teknikal berkaitan;
- (iv) Memastikan laluan navigasi untuk nelayan diselenggara;
- (v) Membina lapis lindung pantai dan menjalankan pemuliharaan pantai bagi kawasan yang dijangka terhakis akibat pelaksanaan projek ini;
- (vi) Mengkaji lebih lanjut bagi cadangan mewujudkan Kawasan Perlindungan Perikanan dengan nasihat Jabatan Perikanan;
- (vii) Kajian ke atas laluan migrasi udang hendaklah dijalankan dengan nasihat Jabatan Perikanan;
- (viii) Membina jeti nelayan seperti yang dinyatakan di dalam Laporan EIA;
- (ix) Disarankan agar pihak pemaju projek mengambil insurans yang meliputi nyawa, harta benda dan alam sekitar bagi melindungi ketiga-tiga aspek tersebut sekiranya berlaku kemalangan atau apa-apa kejadian yang tidak diingini di sepanjang pelaksanaan projek ini;

- (x) Pemasangan *Best Management Practices* (BMPs) dan langkah-langkah kawalan yang berkesan hendaklah dibuat sebelum aktiviti kerja tanah dan pembinaan dilaksanakan; dan
- (xi) Pelaksanaan cadangan projek perlu mengambil kira pelan tindakan yang telah disediakan oleh pihak pemaju bagi mengurangkan risiko pencemaran dan aduan di kawasan yang terlibat.

4. Pembangunan atas tanah penambakan (*top side development*) hendaklah mengemukakan Laporan EIA baru sekiranya tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 dan hendaklah selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah berkaitan.

5. Melaksanakan semua akujanji yang telah dinyatakan di dalam Laporan EIA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO: 136

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan penglibatan rakyat dalam bidang pertanian moden terutamanya bagi menyumbang kepada inisiatif jaminan makanan (*food security*) negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi meningkatkan penglibatan rakyat dalam bidang pertanian moden terutamanya bagi menyumbang kepada inisiatif jaminan makanan (*food security*) negara adalah seperti berikut:

- I. Memperkasakan program latihan kemahiran pertanian moden di institut latihan dan kemahiran pertanian kepada pelajar yang berminat menjadi usahawan tani. Selain itu, program latihan kepada petani melalui program "*Farmers School*" oleh Jabatan Pertanian dan tunjuk ajar oleh pegawai pengembangan di lapangan juga ditambah baik dengan pelbagai amalan pertanian moden;
- II. Menggalakkan penggunaan teknologi digital melalui aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. Antara aplikasi yang semakin digunakan secara meluas adalah seperti berikut:
 - i. Aplikasi Agrobazar Online oleh FAMA bagi tujuan pemasaran produk;
 - ii. Aplikasi mudah alih oleh MARDI seperti pengiraan kos penanaman untuk membantu petani dalam melaksanakan projek sektor agromakanan dengan lebih baik;
 - iii. Aplikasi MyFSI (Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan) bagi untuk membantu nelayan mengenal pasti lokasi kepadatan ikan yang tinggi;
 - iv. Aplikasi pertanian tepat seperti penggunaan dron oleh MADA; dan
 - v. Aplikasi sistem reban tertutup dalam sektor penternakan;

- III. Menyalurkan pelbagai dana pembiayaan pemodenan sektor agromakanan termasuk geran, geran pepadanan dan sebagainya kepada Jabatan dan Agensi MOA. Antara peruntukan yang telah disalurkan MOA adalah skim pembiayaan mekanisasi dan automasi bagi pembelian peralatan atau jentera moden melalui Agrobank, dana pembangunan kepada Pusat Pertanian Moden (PPM) sebagai pusat pengeluaran agromakanan negara dan sebagainya;
- IV. Menggalakkan penglibatan terus golongan muda dalam inisiatif-inisiatif pertanian moden dalam sektor agromakanan;
- V. Menyediakan geran kepada komuniti masyarakat yang berminat dalam membangunkan pertanian menerusi konsep pertanian bandar di kawasan kejiranan masing-masing; dan
- VI. Menganjurkan program-program penemusuaan antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden.

Sekian, terima kasih.